



# suara ePerolehan

Jun 2002 | Fasa 3 | Edisi 1

**Sidang Editor:**

En Cheong Beng Seng  
 Pn Aabidah Siraj  
 En Megat Zolkafeli  
 En Mohd Asri Musa  
 Pn Jaya Nair  
 Pn Salina Isa  
 Cik Hasfa Reny

**Grafik & Reka Bentuk:**  
 En Azman Fahmi



## Pelancaran Modul Pembelian Terus ePerolehan

**Pada 10 Mei, 2002 Unit ePerolehan telah sekali lagi mencatatkan sejarah di mana modul Fasa 2 iaitu Pembelian Terus telah berjaya dilancarkan. Modul tersebut merupakan modul ketiga dilancarkan selepas modul Pendaftaran Pembekal dan Kontrak Pusat.**

Kejayaan ini amat membanggakan Unit ePerolehan setelah sekian lama bertungkus lumus membangunkan modul berkenaan. Cabaran yang dihadapi kini adalah untuk memastikan modul ini dilaksanakan di 14 Pusat Tanggungjawab di bawah Fasa 2 dan juga PTJ-PTJ lain di bawah Perancangan 'Roll-out' Fasa 3 ePerolehan. Selain itu, Unit ePerolehan juga perlu memastikan pengguna-pengguna Kerajaan serta pembekal-pembekal menggunakan Sistem ePerolehan untuk menjalankan transaksi samada pembelian secara Kontrak Pusat atau Pembelian Terus.

Dari segi katalog produk, sebanyak 6,489 produk Kontrak Pusat telahpun dimuat atas ke dalam Sistem ePerolehan. Ini tidak termasuk katalog perkhidmatan Kontrak Pusat kerana modul tersebut masih lagi di peringkat pembangunan. Bagi Pembelian Terus pula, sebanyak 1,537 katalog produk dan 106 katalog perkhidmatan telahpun dimuat atas. Dengan adanya katalog-katalog tersebut, ia memudahkan pengguna-pengguna Kerajaan untuk membeli barang dan mendapatkan perkhidmatan melalui Sistem ePerolehan. Imej produk turut disediakan dalam bentuk 2D dan juga 3D bagi membantu pemilihan produk.

Buat masa ini, Unit ePerolehan membangunkan dua modul iaitu Sebutharga dan juga Tender bagi melengkapkan proses perolehan Kerajaan. Kedua-dua modul ini akan dilancarkan pada akhir tahun ini.

## Seminar ePerolehan Bagi Pembekal-Pembekal Kerajaan



Para pembekal kerajaan menumpukan perhatian semasa Seminar ePerolehan

Sebanyak 4 seminar telah diadakan sepanjang bulan Mei 2002 di Kementerian Kewangan oleh Pasukan ePerolehan untuk pembekal-pembekal yang terbabit dalam proses perolehan Pembelian Terus, Sebutharga dan Tender. Seminar-seminar ini adalah khusus untuk pembekal-pembekal Kerajaan yang berurusniaga dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan di sekitar Lembah Klang. Antara perkara-perkara yang diterangkan semasa seminar tersebut adalah tentang Modul Pembelian Terus, kelebihan menggunakan Sistem ePerolehan dan demonstrasi Sistem ePerolehan. Sebanyak

365 syarikat telah turut serta dalam seminar yang dijalankan ini. Oleh kerana ianya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembekal-pembekal, Pasukan ePerolehan telah mengadakan satu Kem Seminar ePerolehan di UNISEL (Universiti Industri Selangor), Shah Alam pada 13 Jun, 2002 bertujuan untuk memberikan kefahaman yang menyeluruh kepada pembekal-pembekal Kerajaan sebagai persediaan untuk menggunakan Sistem ePerolehan. Program ini akan diteruskan dari masa ke semasa.

## Taklimat di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna



Y.Bhg. Dato' Abdul Majid bin Hj. Hussein, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (O) bersama Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh Hj. Masduki, Pengarah Eksekutif Commerce Dot Com Sdn. Bhd. sedang mendengar taklimat.

Taklimat khas ePerolehan telah diadakan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna pada 20 Mei 2002. Taklimat tersebut telah dihadiri oleh Y.Bhg. Tuan Syed Mestaddin bin Syed Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan pegawai-pegawai Kementerian. Majlis ini telah dihadiri bersama oleh Y.Bhg. Dato' Abdul Majid bin Haji Hussein, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Penghebahan strategi pelaksanaan ePerolehan Fasa 3 akan diteruskan lagi bagi memastikan semua Kementerian di bawah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk menghadapi peralihan proses pembelian Kerajaan secara elektronik.



Antara pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna yang menghadiri taklimat ePerolehan

## Sidang Media dan Majlis Penyampaian Peralatan dan Perkakasan kepada Pusat-pusat Kebajikan



Y.Bhg. Dato' Abdul Majid bin Hj. Hussein, TKSP (O) Kementerian Kewangan memberikan sijil 'Enablement Package' kepada wakil badan kebajikan.

Pada 9 Mei, 2002, semua pihak akhbar tempatan dan pihak media daripada bahagian ekonomi dan IT telah dijemput menghadiri satu taklimat khas yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan Commerce Dot Com Sdn Bhd. Objektif utama taklimat ini adalah untuk memaklumkan mengenai kemajuan dan tahap terkini pembangunan Sistem ePerolehan. Majlis ini telah dihadiri oleh Y.Bhg. Dato' Abdul Majid bin Hj. Hussein, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Operasi), Kementerian Kewangan Malaysia. Antara lain, pihak media juga diberikan ulasan dan penerangan mengenai status projek ePerolehan serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak pengurusan projek ePerolehan untuk memastikan supaya semua agensi-agensi dan pembekal-pembekal Kerajaan menggunakan sistem ePerolehan ini kelak.

Sambutan yang diperolehi daripada majlis ini adalah amat menggalakkan. Berita mengenai projek ePerolehan itu telah disiarkan di akhbar-akhbar tempatan. Penyebaran berita tersebut telah berjaya menarik lebih ramai pembekal-pembekal Kerajaan menghadiri seminar dan taklimat yang dijalankan oleh pasukan ePerolehan.

Di samping itu, Commerce Dot Com juga telah menyampaikan lima set "Enablement Package" kepada beberapa buah badan kebajikan di Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Pahang dan Perak untuk membolehkan mereka menjalankan urusniaga dengan kerajaan melalui Sistem ePerolehan. Badan-badan kebajikan ini telah menerima komputer peribadi, lain-lain perkakasan dan perisian IT yang berkaitan dengan sistem ePerolehan daripada Y.Bhg. Dato' Abdul Majid bin Hj. Hussein.




## Pelaksanaan (Roll-out) Fasa 3 untuk Pusat Tanggungjawab

Unit ePerolehan telah diberi mandat oleh Y. Bhg. Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk melaksanakan ePerolehan di PTJ-PTJ dibawah Kementerian Kewangan dalam bulan Jun 2002. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, pasukan ePerolehan telah pun membuat perancangan teliti sebelum memulakan operasi pelaksanaan di PTJ-PTJ di bawah Kementerian Kewangan, iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Bahagian Pinjaman Perumahan, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan juga Jabatan Akauntan Negara.

Gambarajah di bawah menerangkan pendekatan yang digunakan untuk melaksanakan ePerolehan di PTJ-PTJ di bawah Kementerian Kewangan.



Pegawai dari Unit 'Rollout' Kerajaan dan Commerce Dot Com sedang memberi penerangan kepada para pengguna PTJ yang terlibat.



# Latihan Aplikasi ePerolehan

Melalui Program Pelaksanaan ePerolehan Fasa 3, pasukan ePerolehan akan dan sedang melaksanakan Sistem ePerolehan kepada Pusat-Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah dikenalpasti. Untuk memastikan Sistem ePerolehan dapat dilaksanakan, latihan aplikasi ePerolehan diberikan kepada para pengguna Kerajaan yang terlibat. Sebanyak 7 sesi latihan aplikasi ePerolehan telah dijalankan sepanjang bulan Mei dan Jun 2002 oleh pasukan ePerolehan untuk para pengguna dari 20 PTJ di bawah Fasa 3. Selain daripada itu, beberapa sesi latihan juga dijalankan untuk para jurulatih dan pengguna bagi PTJ-PTJ di bawah Kementerian Kewangan, iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Bahagian Pinjaman Perumahan, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan juga Jabatan Akauntan Negara. Sesi-sesi latihan yang telah dijalankan setakat ini adalah seperti berikut:



Antara pengguna-pengguna Kerajaan yang menjalani latihan aplikasi ePerolehan

Latihan Aplikasi ePerolehan	Tarikh	Jumlah Peserta
Latihan Pengguna bagi 20 PTJ-PTJ Fasa 3	20 - 13 Jun 2002	101
Latihan Jurulatih bagi PTJ-PTJ di bawah Kementerian Kewangan	3 - 6 Jun 2002	35
Latihan Pengguna bagi PTJ-PTJ di bawah Kementerian Kewangan	13 - 26 Jun 2002	131

Semasa sesi latihan dijalankan, jurulatih dan penolong jurulatih sentiasa memastikan setiap peserta memahami dengan jelas proses-proses yang terlibat di dalam modul-modul Pembelian Terus dan Kontrak Pusat melalui penerangan yang jelas dan latihan “hands-on” yang berkesan. Selain daripada itu, para peserta turut dibekalkan dengan manual-manual pembelajaran yang komprehensif untuk rujukan para peserta. Latihan ini akan diteruskan dari masa ke semasa untuk memastikan semua pengguna dari pelbagai PTJ mendapat latihan yang mencukupi. Diharap dengan sesi-sesi latihan yang telah diadakan, para pengguna Kerajaan sudah bersedia untuk menggunakan Sistem ePerolehan ini yang akan mempercepatkan proses perolehan Kerajaan.



Sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi:

**Unit Khidmat Bantuan Pelanggan**

**(Customer Service)**

**Commerce Dot Com Sdn Bhd**

Blok Enggang, Cyberview Gardens

63000 Cyberjaya

**Tel:** 03 8312 2626 (PTJ) / 03 8312 2525 (Pembekal)

**Faks:** 03 8318 2488

**Emel:** [bantuan@eperolehan.com.my](mailto:bantuan@eperolehan.com.my)

